PP lwn. YEW WEI LIANG

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SHAH ALAM
JULIA IBRAHIM H
[PERBICARAAN JENAYAH NO: BA-45B-45-12-2019]
7 DISEMBER 2023

Abstrak – *Seksyen 105 Kanun Keseksaan ('KK') memperuntukkan waktu bermulanya hak mempertahankan harta dan bila hak itu tamat. Hak itu bermula apabila bahaya atas harta berbangkit dan berjalan selagi pesalah terus melakukan perbuatan khianat itu. Walau bagaimanapun, hak mempertahankan harta hingga menyebabkan kematian hanya meliputi keadaan-keadaan yang disenaraikan bawah s. 103 KK. Tertuduh dalam kes ini telah bertindak melebihi haknya apabila berterusan melanggar mangsa dengan keretanya walaupun ancaman tersebut telah dipatahkan dan mangsa sedang melarikan diri.*

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Kesalahan – Membunuh – Buli jalan raya – Tertuduh dan si mati memandu di lebuh raya dan saling tidak berpuas hati – Kereta yang dipandu tertuduh dan kereta yang dipandu si mati saling kejar-mengejar – Tertuduh dan si mati bersemuka ketika trafik perlahan – Tertuduh bertindak menggilis si mati dengan keretanya – Sama ada elemen-elemen pertuduhan berjaya dibuktikan – Sama ada pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie terhadap tertuduh – Sama ada pembelaan tertuduh menimbulkan keraguan munasabah atas kes pendakwaan bagi kesalahan membunuh – Kanun Keseksaan, ss. 300, 302 & 304*

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Kesalahan – Membunuh – Buli jalan raya – Pembelaan provokasi – Tertuduh dan si mati memandu di lebuh raya dan saling tidak berpuas hati – Kereta yang dipandu tertuduh dan kereta yang dipandu si mati saling kejar-mengejar – Tertuduh dan si mati bersemuka ketika trafik perlahan – Tertuduh bertindak menggilis si mati dengan keretanya – Sama ada terdapat provokasi yang merbahaya dan tiba-tiba – Sama ada tertuduh sendiri yang meletakkan dirinya dalam situasi ancaman – Sama ada tertuduh layak mendapat perlindungan pembelaan provokasi – Kanun Keseksaan, ss. 300 & 302*

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Kesalahan – Membunuh – Buli jalan raya – Hak mempertahankan diri atau harta – Tertuduh dan si mati memandu di lebuh raya dan saling tidak berpuas hati – Kereta yang dipandu tertuduh dan kereta yang dipandu si mati saling kejar-mengejar – Tertuduh dan si mati bersemuka ketika trafik perlahan – Tertuduh bertindak menggilis si mati dengan keretanya – Sama ada terdapat ancaman kematian atau kecederaan parah pada tubuh badan – Sama ada tertuduh mempunyai hak pertahanan hartanya – Sama ada ancaman dipatahkan – Sama ada tertuduh bertindak melebihi haknya – Kanun Keseksaan, ss. 103, 300 & 302*

A Tertuduh dituduh bawah s. 302 Kanun Keseksaan ('KK') atas kesalahan melakukan pembunuhan. Fakta kes pendakwaan mendedahkan bahawa tertuduh dan isterinya ('SP19') dalam perjalanan pulang ke kampung pada hari kejadian menaiki kereta Toyota Innova ('Innova'). Setelah melepasi tol lebuh raya, si mati yang memandu kereta Perodua Axia ('Axia'), tiba-tiba
B mengubah laluan ke hadapan kereta Innova tertuduh. Kejadian ini disaksikan oleh SP6 yang berada di laluan sebelah kiri dari kereta Innova dan Axia. Seterusnya, SP6 sempat melihat kereta Axia dan Innova saling kejar-mengejar antara satu sama lain di lebuh raya tersebut dengan laju untuk tempoh yang singkat sebelum kedua-dua kenderaan tersebut hilang daripada
C pandangannya. Tidak berapa lama kemudian, dia melihat kemalangan berlaku antara kereta Axia dan Innova di lorong kanan lebuh raya. SP6 berhenti di lorong kecemasan dan pergi ke tempat kejadian dan melihat pemandu Axia berpegang pada pembahagi jalan. SP6 yakin kedua-dua kereta ini adalah kenderaan yang telah dilihatnya sebelum ini. SP6 bertanya pada tertuduh sama ada dia yang memandu Innova dan setelah diakui oleh
D tertuduh, SP6 menyatakan 'ini lu punya pasal lah' sebelum beredar meninggal tempat kejadian. Sebelum itu, SP17 yang berhenti di lorong perlahan di tempat kejadian semasa keadaan trafik sesak, melihat tertuduh dan si mati bergelut di lorong kanan berdekatan pembahagi tengah lebuh raya. SP17 memberhentikan keretanya dan pergi ke tempat dua lelaki itu
E untuk menolong. Menurut SP17, apabila sampai, dia mendapati tertuduh sedang mengepit kepala si mati. SP17 meminta tertuduh melepaskan kepala si mati dan apabila tertuduh enggan, SP17 terpaksa menarik tangan tertuduh hingga si mati dilepaskan. SP17 kemudian meminta tertuduh dan si mati menaiki kereta masing-masing dan membuat laporan polis untuk
F mengelakkan kesesakan trafik. Selepas itu, SP17 kembali ke keretanya dan mahu memulakan perjalanan semula. Sebelum bergerak, SP17 sempat menoleh ke arah tempat pergaduhan tadi dan ternampak kereta Innova meluru ke hadapan dan melanggar si mati. Walau bagaimanapun, SP17 tidak berhenti kerana terpaksa meneruskan perjalanan. Si mati dihantar ke Nilai
G Medical Centre oleh ahli keluarganya ('SP10') dengan bantuan seorang pemilik kereta yang berhenti di tempat kejadian kerana ambulans masih belum sampai. Di Nilai Medical Centre, si mati disahkan meninggal dunia oleh SP12. Bedah siasat yang dijalankan oleh Pakar Perubatan Forensik ('SP8'), Hospital Serdang mendapati bahawa sebab kematian adalah 'chest and abdominal injuries due to impact by motor vehicle'. Tertuduh dan SP19
H kemudian ke balai polis di mana mereka ditangkap dan telefon bimbit yang digunakan oleh SP19 untuk merakam kejadian telah dirampas. Satu rakaman video panjang, yang diambil oleh SP19, menunjukkan (i) semasa situasi kejar-mengejar antara kereta Axia dan Innova, tertuduh telah meminta SP19 menelefon polis untuk melaporkan tentang perbuatan pemanduan Axia
I dengan memberikan nombor pendaftaran Axia. Pihak polis yang dihubungi telah meminta agar SP19 pergi ke Balai Polis Kajang untuk membuat laporan

rasmi. Tamat panggilan polis, trafik di lebuh raya tersebut semakin perlahan hingga terhenti. Ketika ini, tertuduh telah keluar dari kereta Innova, menuju ke kereta Axia yang berada di hadapan Innova walaupun ditegah oleh SP19; (ii) tertuduh menendang pintu kereta Axia, menjerit-jerit dan seterusnya menarik si mati keluar dari kereta Axia. Berlaku pergelutan antara si mati dan tertuduh di hadapan kereta Innova sehingga dileraikan oleh SP17; dan (iii) selepas tertuduh kembali ke kereta Innova dan mengundurkannya, si mati membuka boot kereta Axia dan mengeluarkan kayu besbol lalu memukul bonet kereta Innova. Seterusnya, tertuduh menukar pemanduan ke hadapan, melanggar si mati yang sedang melarikan diri, menggilis si mati dan berhenti di pembahagi jalan tengah lebuh raya.

Bagi pertuduhan bawah s. 302 KK, pihak pendakwaan perlu membuktikan elemen-elemen berikut: (i) kematian si mati ('elemen pertama'); (ii) kematian si mati disebabkan oleh kecederaan dalam mana-mana keadaan seperti yang dinyatakan bawah s. 300 KK ('elemen kedua'); dan (iii) kecederaan itu dilakukan oleh tertuduh dengan niat dalam mana-mana keadaan seperti yang dinyatakan bawah s. 300 KK ('elemen ketiga'). Atas penilaian maksima, mahkamah mendapati pihak pendakwaan berjaya membukti satu kes *prima facie* terhadap tertuduh. Tertuduh dipanggil membela diri. Tertuduh (i) membangkitkan pembelaan provokasi yang merbahaya dan tiba-tiba dan hak mempertahankan diri atau harta; (ii) menyatakan dia merasa amat takut apabila si mati meluru ke arahnya. Dia memegang stering kereta dengan kuat lalu menjadi 'blank dan tidak tahu apa dia telah buat' dan 'apa pun tak nampak' dan hanya tersedar apabila mendengar jeritan SP19; dan (iii) menyatakan ayah si mati hadir di tempat kejadian dan tertuduh bertanyakan pada ayah si mati sama ada si mati ada 'mengambil ubat' dan ayah si mati dikatakan hanya memandang tertuduh seolah-olah tahu tentang hal itu.

Diputuskan (mensabitkan tertuduh bersalah dengan kesalahan bawah s. 304(a) Kanun Keseksaan; menjatuhkan hukuman 16 tahun penjara dari tarikh tangkap):

(1) Keterangan seorang jururawat ('SP4') di Nilai Medical Centre mengesahkan si mati sampai di zon kecemasan dibawa oleh SP10. SP4 mendapati si mati telah tiada denyutan nadi. Si mati dibawa ke zon rawatan merah dan SP4 bersama-sama rakan sekerja lain dan diketuai seorang pegawai perubatan ('SP12') memulakan tindakan cardiopulmonary resuscitation ('CPR'). Setelah CPR dijalankan selama 40 minit, SP12 mengisytiharkan kematian si mati. Elemen pertama telah dibuktikan. Sebab kematian si mati, menurut SP8 yang menjalankan bedah siasat atas si mati adalah 'chest and abdominal injuries due to impact by motor vehicle'. Dalam keterangannya, SP8 menjelaskan kecederaan yang dialami si mati, antaranya, adalah (i) patah tulang rusuk yang banyak dari depan ke belakang; (ii) hati terbelah dua dengan tisu

yang hancur; (iii) pendarahan dalaman yang banyak di rongga abdomen dan paru-paru; dan (iv) patah tulang yang banyak sesuai dengan kecederaan yang bercorak di bahagian luar kulit disebabkan hentakan/impak yang sama. Pada pendapat SP8, patah tulang rusuk 1-11 disebabkan impak luaran dari objek beroda, berat dan bermotor (kenderaan bermotor). Menurut SP8 lagi, tahap impak luaran ini sangat kuat dan bukan disebabkan kelajuan kerana apabila kenderaan tidak laju, kesannya lebih berat hingga menyebabkan kecederaan sebegini. Sebagai tambahan, kalau hati saja pecah pun sudah boleh menyebabkan kematian si mati tanpa patah tulang rusuk. SP8 juga menyatakan corak tayar yang dilihat pada luar tubuh si mati adalah tayar bunga – jenis corak dua jujuran bersebelahan, sebelah dalam – garisan-garisan menyerong. Berdasarkan corak/pattern kecederaan di luar kulit, impak gilisan berlaku sekali saja kerana tidak bertindan. Hasil pemeriksaannya, SP8 mendapati corak di tayar kanan hadapan kereta Innova sama dengan corak di badan si mati iaitu corak bunga bersesuaian walaupun saiz ukuran lebar jaluran-jaluran bunga di tayar dengan corak dan saiz kecederaan di badan sedikit berbeza disebabkan faktor kulit dan pakaian si mati. Pendapat SP8 bersesuaian dengan perenggan (c), s. 300 KK. Oleh itu, elemen kedua telah dibuktikan. Untuk elemen ketiga, mahkamah membuat beberapa pemerhatian dan dapatan iaitu: (i) tindakan tertuduh meneruskan pemanduan melanggar si mati walaupun si mati telah berhenti memukul kereta Innova dan melarikan diri, serta menggilis tubuh si mati yang jatuh selepas dilanggar menyokong dapatan bahawa niat tertuduh adalah untuk mendatangkan kecederaan atas si mati yang boleh menyebabkan kematian. Dapatan ini konsisten dengan penemuan dan pendapat SP8 tentang kecederaan yang dialami si mati; (ii) kedudukan Innova yang terhenti rapat pada pembahagi jalan menunjukkan tumpuan dan niat tertuduh ialah melanggar si mati sehingga kereta Innova terhalang oleh pembahagi jalan tersebut. Bahasa tubuh tertuduh yang kelihatan dalam video panjang semasa meluru ke arah si mati dan melanggarnya – memegang stering dengan kemas, badan ke depan rapat dengan stering dan tumpuannya fokus ke arah si mati; dan (iii) keadaan ini selaras dengan keterangan SP17 yang melihat kereta Innova meluru melanggar si mati dan si mati termasuk ke tengah pembahagi jalan. Berdasarkan dapatan-dapatan ini, mahkamah menyimpulkan bahawa tertuduh berniat mencederakan si mati dan kecederaan itu boleh menyebabkan kematian. Elemen ketiga telah dibuktikan. (perenggan 18-23, 25 & 36)

(2) Kejadian awal selepas tol yang membawa ke insiden kejar-mengejar antara kereta Innova dan kereta Axia telah tamat sebaik saja tertuduh dan SP19 selesai membuat laporan polis melalui telefon dan diarahkan pergi ke Balai Polis Kajang, jika tidak lebih awal iaitu apabila SP19 telah memberikan nombor pendaftaran kereta Axia semasa membuat laporan

tersebut (di time stamp 2.51 dan 5.26 pada video panjang). Pada time stamp 6.11, rakaman menunjukkan terdapat susur keluar yang boleh diambil oleh tertuduh untuk ke Balai Polis Kajang setelah terlepas susur keluar lain kerana masih berhubung dengan pihak polis. Tiada sebab yang wajar atau munasabah kenapa tertuduh masih mengejar kereta Axia kerana segala butiran yang diperlukan untuk tujuan laporan polis telah diberikan dan arahan dari polis telah diterima. Kereta Axia juga tidak lagi dipandu secara zig-zag dan kekal di satu lorong (kanan) sejak time stamp 1.04 hingga trafik terhenti di time stamp 7.02. Tiada lagi provokasi dari pemandu kereta Axia sejak time stamp 1.04, lalu keadaan ini tidak memenuhi kriteria merbahaya atau tiba-tiba. Pembelaan tertuduh ini juga tidak memenuhi pengecualian umum bawah s. 94 KK yang mengecualikan perbuatan yang disebabkan ancaman kematian serta merta (instant death). Ini adalah kerana proviso pada s. 94 memperuntukkan pengecualian ini tidak terpakai sekiranya tertuduh yang meletakkan dirinya dalam situasi ancaman tersebut. Seterusnya, kejadian setelah kenderaan berhenti akibat kesesakan trafik dan pergelutan antara tertuduh dan si mati telah diprovokasi oleh tertuduh sendiri yang turun dari kereta (walaupun ditegah isterinya SP19) lalu menyerang si mati terlebih dahulu dengan menendang kereta si mati, memukul si mati dan menariknya keluar dari kereta Axia dan bergelut dengan si mati sedangkan tiada keperluan berbuat demikian. (perenggan 46, 47 & 50)

(3) Perbuatan si mati tidak menunjukkan niat untuk mencederakan tertuduh atau SP19 yang berada di dalam kereta Innova. Ini kerana video panjang menunjukkan si mati memukul bonet hadapan Innova sebanyak dua kali di bahagian kanan dan kemudian memukul bahagian tengah bonet kereta itu. Tiada dalam rakaman menunjukkan si mati menuju/meluru ke arah tertuduh yang terlindung di dalam kereta Innova. Tiada indikasi yang si mati berniat untuk mencederakan tubuh tertuduh dan SP19. Tumpuan si mati adalah pada bonet hadapan kereta tertuduh. Pembelaan yang dicadangkan tertuduh bahawa dia bertindak begitu untuk menyelamatkan isterinya dan anak dalam kandungan isterinya tidak meyakinkan dan tidak konsisten dengan sikap dan tindakan yang diambil tertuduh. Sepanjang rakaman video panjang itu, SP19 beberapa kali didengar mengeluh melihat sikap marah tertuduh yang terus mengejar kereta Axia, SP19 juga cuba menghalang tertuduh dari bertindak secara tidak wajar apabila keluar dan bersemuka dengan si mati dan paling mengharukan nada terkejut, takut dan sedih SP19 menyaksikan tertuduh melanggar si mati dari belakang dan menggilis tubuh si mati. Jika tertuduh adalah seorang yang bersikap munasabah, ingin melindungi isteri dan anak dalam kandungan isterinya, dia sewajarnya terus keluar dari lebuh raya selepas membuat laporan kejadian kepada polis melalui

telefon, memaklumkan butiran kereta yang terlibat dan menerima arahan pihak polis. Sebaliknya, tertuduh bertindak sama-sama memandu dengan cara merbahaya seperti si mati, menyerang si mati dan kemudiannya melanggar si mati yang telah melarikan diri. Tindakan-tindakan ini bertentangan dengan sikap seorang yang munasabah atau ingin melindungi tetapi menunjukkan sikap amarah dan tidak puas hati berpanjangan yang mendorong tindakannya menyerang si mati yang mencetus kejadian tragik ini. (perenggan 56, 57 & 59)

(4) Mahkamah tidak yakin wujud acaman kematian atau kecederaan parah atas tubuh badan tertuduh atau isterinya pada masa material. Ini kerana tertuduh berada dalam kedudukan yang lebih baik daripada si mati semasa kejadian. Tertuduh dalam keadaan terlindung di dalam kereta Innova yang bertutup dengan enjin yang hidup. Perbuatan si mati yang boleh dilihat dari rakaman video panjang itu menunjukkan tumpuan si mati ialah merosakkan kereta tertuduh. Tidak kelihatan pada bila-bila masa si mati mengalihkan pandangan atau tumpuannya ke arah tertuduh yang berada di dalam Innova. Oleh itu, tiada ancaman kematian atau kecederaan parah atas tubuh badan tertuduh atau isterinya, daripada si mati. Walau bagaimanapun, tertuduh mempunyai hak pertahanan harta iaitu kereta Innova yang dipukul dengan kayu besbol oleh si mati. Rakaman video panjang yang diteliti menunjukkan tertuduh telah berjaya menghentikan ancaman atas harta tertuduh iaitu kereta Innova apabila tertuduh menukar pemanduan ke arah si mati dan si mati telah berpaling melarikan diri dari kereta yang dipandu tertuduh. Hak mempertahankan harta tertuduh tamat ketika ini. Tertuduh boleh sama ada membrek Innova atau menukar pemanduan ke kiri untuk mengelakkan kejadian menjadi lebih teruk. Tertuduh yang hanya berhak mempertahankan hartanya telah bertindak melebihi had yang dibenarkan undang-undang apabila menyebabkan kecederaan yang menyebabkan kematian si mati. (perenggan 87, 88, 91, 95 & 105)

(5) Pembelaan tertuduh, bahawa dia menjadi blank, tidak tahu apa dia telah buat' dan 'apa pun tidak nampak' semasa melanggar si mati adalah suatu percubaan untuk mengelakkan diri daripada kesalahan apabila tertuduh gagal membrek atau menukar haluan apabila telah berjaya menghentikan perbuatan si mati. Dakwaan ini suatu penafian perbuatannya dengan menyalahkan keadaan fikirannya (his state of mind) ketika itu. Pihak pembelaan juga tidak mengemukakan apa-apa sokongan terhadap pembelaan ini dengan memanggil saksi seperti ahli psikologi atau saksi lain untuk menerangkan kemungkinan tertuduh boleh berada dalam keadaan blank, tidak tahu apa dia buat atau dalam keadaan tidak sedar semasa kejadian. Rakaman video selepas kejadian menunjukkan tertuduh tidak bersikap seolah-olah baru tersedar apabila dilihat dan didengar

memarahi si mati. Komunikasi tertuduh dengan SP6 yang pergi ke tempat kejadian selepas si mati dilanggar juga tidak menunjukkan tertuduh keliru atau tidak sedar perbuatannya telah melanggar si mati, malah kelihatan berbalah dengan SP6 yang menyalahkan tertuduh apabila SP6 mengatakan 'Ini lu punya pasal'. Mahkamah tidak mempercayai tertuduh berada dalam keadaan 'blank', tidak tahu perbuatannya atau tidak sedar ketika kejadian. Tiada juga keterangan sokongan dikemukakan tertuduh berkaitan dakwaannya ini. Ia hanya pernyataan tertuduh semata-mata (mere statement). (perenggan 96-98 & 100)

(6) Naratif pembelaan, tentang kehadiran seorang lelaki yang dikatakan ayah si mati yang kononnya datang ke lorong kecemasan lalu disoal oleh tertuduh sama ada si mati 'ada mengambil ubat', adalah pemikiran semula dan rekaan. Pihak pendakwaan juga berjaya menyangkal naratif ini apabila sijil kematian ayah si mati dikemukakan di mahkamah. (perenggan 104)

(7) Berdasarkan dapatan mahkamah tentang hak pertahanan harta tertuduh dan keseluruhan keterangan pembelaan, tertuduh telah berjaya menimbulkan keraguan munasabah atas kes pendakwaan bagi kesalahan membunuh bawah s. 302 KK. Walau bagaimanapun, keterangan yang dikemukakan tidak mengecualikan tertuduh daripada kesalahan jenayah. Peruntukan pengecualian 2, s. 300 KK menyatakan apabila perbuatan untuk mempertahankan hartanya telah melebihi hak yang dibenarkan undang-undang dengan menyebabkan kematian seseorang, itu bukanlah perbuatan membunuh, tetapi terjumlah pada menyebabkan kematian sahaja (culpable homicide). Pihak pendakwaan berjaya membuktikan tertuduh telah menyebabkan kecederaan tubuh atas si mati yang boleh menyebabkan kematiannya tanpa keraguan munasabah. Sehubungan itu, tertuduh disabitkan dengan kesalahan bawah s. 304(a) KK. Hukuman yang sesuai dan wajar dalam kes ini terhadap tertuduh ialah hukuman penjara 16 tahun dari tarikh tangkap. (perenggan 106-108 & 119)

Kes-kes yang dirujuk:

Bala Matik v. PP [2006] 2 CLJ 229 CA ***(dirujuk)***
Balachandran v. PP [2005] 1 CLJ 85 FC ***(dirujuk)***
Che Omar Mohd Akhir v. PP [2007] CLJU 37; [2007] 1 LNS 37 FC ***(dirujuk)***
Ganapathy Rengasamy v. PP [1998] 2 CLJ 1 FC ***(dirujuk)***
Looi Kow Chai & Anor v. PP [2003] 1 CLJ 734 CA ***(dirujuk)***
Patrick Chau Fook Henn v. PP [2014] 8 CLJ 14 CA ***(dirujuk)***
PP v. Loo Choon Fatt [1976] CLJU 102; [1976] 1 LNS 102 HC ***(dirujuk)***
PP v. Mohd Radzi Abu Bakar [2006] 1 CLJ 457 FC ***(dirujuk)***
PP v. Wong Chak Heng [1985] 1 CLJ 375; [1985] CLJ (Rep) 717 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, s. 182A
Evidence Act 1950, s. 105
Penal Code, ss. 94, 97, 99, 103(a), (b), (c), (d), 104, 105(1), (4), 300(c), 302, 304(a)

Bagi pihak pendakwaan - Aidatul Azura Zainal Abidin & Raja Zaizul Faridah Raja Zaharudin; DPP
Bagi pihak tertuduh - Wee Choo Keong & Yeo Wei Min; T/n Wee Choo Keong & Faaiz

Dilaporkan oleh Lina E

PENGHAKIMAN

Julia Ibrahim H:

Latar Belakang

[1] Pada 10 Ogos 2019, sehari sebelum sambutan Hari Raya Aidil Adha, Yew Wei Liang ("tertuduh") dan isterinya, Ser Hwee Yean, ("SP19") bertolak dari rumah mereka di Taman Puncak Jalil untuk ke kampung di Segamat, Johor, mengambil kesempatan dari cuti hujung minggu yang panjang. Tertuduh memandu kereta Toyota Innova MBV 1689 ("Innova"). Setelah melepasi tol Sungai Besi lebih kurang jam 12.30 hingga 1 tengahari, SP19 yang berada di tempat duduk belakang menjaga anjingnya mendapati tertuduh telah menekan brek secara tiba-tiba dan merasa sesuatu telah melanggar bahagian depan kanan Innova.

[2] SP19 nampak satu kereta Perodua Axia nombor pendaftaran WC 4354 R ("Axia") telah berada di hadapan Innova dan melihat Axia tersebut dipandu hingga ke laluan kecemasan, kemudian dipandu semula ke lorong kanan lebuh raya. Tertuduh membunyikan hon tetapi pemandu Axia tidak berhenti dan kejar-mengejar berlaku sehingga keadaan trafik sesak dan berhenti di KM 293.6 Lebuh Raya Kuala Lumpur/Seremban tersebut.

[3] Kereta Axia dan Innova berada di lorong paling kanan lebuh raya. Tertuduh turun dari keretanya dan bersemuka dengan pemandu Axia ("si mati") dan berlaku pergelutan yang dileraikan oleh Hendri Yayon bin Azman ("SP17") yang berhenti di lorong tengah lebuh raya. Setelah SP17 kembali ke keretanya dan memulakan pemanduan, dia menoleh ke tempat kejadian dan nampak kereta Innova telah melanggar si mati.

[4] Setelah siasatan dibuat, tertuduh telah dituduh dengan pertuduhan seperti di bawah:

> Bahawa kamu pada 10.8.2019, jam lebih kurang 1.00 petang hingga jam lebih kurang 2.00 petang, di alamat kilometer 293.6, Lebuhraya PLUS (Kuala Lumpur menghala ke Seremban), Kajang di dalam Daerah Hulu Langat, di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan telah melakukan pembunuhan dengan menyebabkan kematian Syed Muhammad Danial bin Syed Shakir, KP: 900711-14-5729. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan.

Kes Pendakwaan

[5] Pihak pendakwaan telah memanggil 20 orang saksi untuk membuktikan pertuduhan terhadap tertuduh semasa kes pendakwaan. Mereka ialah:

(i) Lans Koperal Steffi Teo Chu Ling - penerima laporan kematian Syed Muhammad Danial bin Syed Shakir;

(ii) Detektif Koperal Adzman bin Ismail - jurufoto bedah siasat;

(iii) Detektif Koperal Gunasegaran a/l Kaliappan - jurufoto forensik;

(iv) Mohd Alisafri bin Mohd Yunus - jururawat di Nilai Medical Centre;

(v) Sarjan Ilham bin Hitam - jurustor barang kes;

(vi) Bahanizam bin Hassan - saksi awam;

(vii) Inspektor Mohd Adib bin Rasul - Juruanalisis, Bahagian Siasatan Jenayah Forensik, Cheras;

(viii) Doktor Emizam bin Mohamadon - Pakar Perubatan Forensik, Hospital Serdang;

(ix) Inspektor Wan Amir Ikmal bin Wan Mohamad - pegawai siasatan tempat kejadian;

(x) Azraei Arief bin Mohd Roslan - saksi awam, adik ipar si mati;

(xi) Lans Koperal Nazlyn Aqilah bin Arzad - jurufoto tempat kejadian;

(xii) Doktor Mohd Amir bin Kamaruzzaman - doktor di Unit Kecemasan Nilai Medical Centre;

(xiii) Lans Koperal Mohd Syaiful Lizan bin Anis - jurufoto kenderaan;

(xiv) Inspektor Mohd Hazrani bin Hashim - pegawai tangkapan;

(xv) Lans Koperal Henry Yek Cheng Hock - menyediakan transkrip video;

(xvi) Sivabalan a/l Nagaya - pegawai sains (ahli kimia);

(xvii) Hendri Yayon bin Azman - saksi awam;

(xviii) ASP Siti Sarah Aisyah binti Saad - pegawai penyiasat asal;

(xix) Ser Hwee Yean - saksi awam; dan

(xx) Yong Kurshihah binti Kamarul Bahrin - pegawai sains (ahli kimia) toksikologi.

[6] Secara ringkas, kes pendakwaan ialah si mati yang memandu kereta Axia setelah melepasi tol Sungai Besi pada tarikh dan waktu dalam pertuduhan terpaksa mengubah laluan secara tiba-tiba ke hadapan kereta

A Innova yang dipandu tertuduh untuk mengelakkan sebuah kereta Honda yang dipandu laju di belakangnya. Keadaan ini dilihat oleh SP6 yang berada di laluan sebelah kiri dari kereta Innova dan Axia.

[7] Seterusnya, SP6 sempat melihat kereta Axia dan Innova mengejar satu sama lain di lebuh raya dengan laju untuk tempoh yang singkat sebelum
B kedua-dua kenderaan hilang dari pandangannya. SP6 kemudiannya ketika sampai di KM 293.6 Lebuh Raya Kuala Lumpur – Seremban itu melihat kemalangan antara kereta Axia dan Innova di lorong kanan lebuh raya. SP6 telah berhenti di lorong kecemasan dan pergi ke tempat kejadian dan melihat pemandu Axia berpegang pada pembahagi jalan. SP6 yakin kedua-dua kereta
C ini adalah kenderaan yang telah dilihatnya dalam kejadian selepas tol Sungai Besi sebelum itu. SP6 bertanya kepada tertuduh sama ada dia yang memandu Innova dan setelah diakui oleh tertuduh, SP6 telah menyatakan "ini lu punya pasal lah". Selepas itu SP6 telah meninggalkan tempat kejadian.

[8] Sebelum itu, SP17 yang berhenti di lorong perlahan di tempat kejadian
D semasa keadaan trafik sesak melihat dua lelaki bergelut di lorong kanan berdekatan pembahagi tengah lebuh raya. SP17 telah memberhentikan keretanya dan pergi ke tempat dua lelaki itu untuk menolong. SP17 mengatakan apabila sampai dia mendapati lelaki Cina (tertuduh) sedang mengepit kepala lelaki Melayu dan SP17 meminta lelaki Cina itu
E melepaskan kepala lelaki Melayu itu. Apabila lelaki Cina itu enggan, SP17 terpaksa menarik tangan lelaki Cina itu sehingga lelaki Melayu dilepaskan. SP17 kemudian meminta kedua-dua lelaki supaya menaiki kereta masing-masing dan pergi membuat laporan polis untuk mengelakkan kesesakan trafik.

F **[9]** Selepas itu, SP17 kembali ke keretanya dan mahu memulakan perjalanan semula. Sebelum bergerak, SP17 menoleh ke arah tempat pergaduhan tadi dan nampak kereta Innova meluru ke hadapan melanggar mangsa lelaki bangsa Melayu. SP17 tidak berhenti kerana terpaksa meneruskan perjalanan dan telah menyebabkan kesesakan trafik juga. SP17
G membuat laporan polis esoknya selepas video kejadian viral dan mendapat tahu kematian pemandu Axia tersebut.

[10] Pemandu Axia telah dihantar ke Nilai Medical Centre oleh adik iparnya, SP10, dengan bantuan seorang pemilik kereta yang berhenti di tempat kejadian kerana ambulans masih belum sampai. Mereka pergi ke
H klinik kesihatan tetapi mendapati telah ditutup dan sebuah klinik swasta tidak dibuka sebelum meneruskan perjalanan ke Nilai Medical Centre. Dalam perjalanan, SP10 yang juga seorang pelajar perubatan telah terpaksa memberikan rawatan kecemasan cardiopulmonary resuscitation ("CPR") kepada si mati di bahagian penumpang belakang kereta. Sampai di Nilai
I Medical Centre dan setelah diberi rawatan CPR selama 40 minit, si mati telah disahkan meninggal dunia oleh SP12, Doktor Mohd Amir bin Kamaruzzaman. Si mati dikenal pasti sebagai Syed Muhammad Danial bin Syed Shakir, KP: 900711-14-5729.

[11] Bedah siasat ke atas si mati telah dijalankan oleh Doktor Emizam bin Mohamadon – Pakar Perubatan Forensik, Hospital Serdang dan sebab kematian adalah chest and abdominal injuries due to impact by motor vehicle.

[12] Kejadian kejar-mengejar antara si mati yang memandu Axia dan tertuduh yang memandu Innova, panggilan telefon SP19 kepada polis tentang pemanduan Axia sehingga kejadian perlanggaran si mati di km. 293.6 lebuh raya telah dirakam oleh isteri tertuduh SP19 menggunakan telefon bimbitnya P13B(2) dan rakaman video-video dikemukakan sebagai P13B(2)(a)/P13F(1)(i)(a)(1) dan P13B(2)(b)/P13F(1)(i)(a)(2). Rakaman video yang material ialah P13B(2)(b)/P13F(1)(i)(a)(2) berdurasi 13 minit ("video panjang").

[13] Rakaman video panjang menunjukkan semasa situasi kejar-mengejar antara Axia dan Innova, tertuduh telah meminta SP19 menelefon polis untuk melaporkan tentang perbuatan pemandu Axia dengan memberikan nombor pendaftaran Axia. Pihak polis yang dihubungi telah meminta agar SP19 pergi ke Balai Polis Kajang untuk membuat laporan rasmi. Tamat membuat panggilan kepada polis, trafik di lebuh raya semakin perlahan sehingga terhenti. Ketika ini, tertuduh telah keluar dari Innova menuju ke kereta Axia yang berada di hadapan Innova walaupun ditegah SP19.

[14] Rakaman seterusnya menunjukkan tertuduh menendang pintu kereta Axia, menjerit meminta pemandu Axia keluar, memukul pemandu Axia dan menariknya keluar dari kereta Axia, seterusnya terjadi pergelutan antara si mati dan tertuduh di hadapan Innova sehingga dileraikan oleh SP17.

[15] Selepas tertuduh kembali ke keretanya dan semasa tertuduh sedang mengundurkan kereta Innova, kelihatan dari rakaman video panjang, si mati membuka boot belakang Axia dan mengeluarkan kayu besbol P50(14)(a) lalu menggunakan kayu besbol tersebut memukul bahagian depan bonet Innova. Seterusnya, tertuduh telah menukar pemanduan ke hadapan, melanggar si mati yang sedang melarikan diri, menggilis tubuh si mati dan berhenti di pembahagi jalan tengah lebuh raya.

Kedudukan Undang-undang Di Akhir Kes Pendakwaan

[16] Di akhir kes pendakwaan, mahkamah perlu membuat penilaian maksima ke atas semua keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan untuk menentukan sama ada pertuduhan terhadap tertuduh telah dibuktikan secara *prima facie* seperti dinyatakan dalam kes-kes *PP v. Mohd Radzi Abu Bakar*[2006] 1 CLJ 457; [2005] 6 MLJ 393; *Looi Kow Chai & Anor v. PP* [2003] 1 CLJ 734; [2003] 2 MLJ 65 dan *Balachandran v. PP* [2005] 1 CLJ 85.

[17] Bagi pertuduhan di bawah s. 302 Kanun Keseksaan, mahkamah perlu memutuskan sama ada pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan elemen-elemen berikut:

(i) kematian si mati Syed Muhammad Danial bin Syed Shakir;

(ii) kematian si mati disebabkan kecederaan dalam mana-mana keadaan seperti dinyatakan di bawah s. 300 Kanun Keseksaan; dan

(iii) kecederaan itu dilakukan oleh tertuduh dengan niat dalam mana-mana keadaan seperti dinyatakan di bawah s. 300 Kanun Keseksaan.

Elemen Pertama

Kematian Si Mati Syed Muhammad Danial bin Syed Shakir

[18] Keterangan dari SP4 (Mohd Alisafri bin Mohd Yunus), jururawat di Nilai Medical Centre mengesahkan Syed Muhammad Danial bin Syed Shakir (si mati) sampai di zon kecemasan dibawa oleh warisnya SP10 iaitu sepupu si mati. SP4 mendapati si mati telah tiada denyutan nadi. Si mati dibawa ke zon rawatan merah dan SP4 memulakan tindakan CPR bersama rakan sekerja lain dan diketuai pegawai perubatan Dr Amir Kamaruzzaman (SP12). Setelah CPR dijalankan selama 40 minit, SP12 mengisytiharkan kematian si mati. Elemen pertama telah dibuktikan.

Elemen Kedua

Kematian Si Mati Disebabkan Kecederaan Dalam Mana-mana Keadaan Seperti Dinyatakan Di Bawah Seksyen 300 Kanun Keseksaan

[19] Sebab kematian si mati menurut pakar patologi – Dr Emizam bin Mohamadon ("SP8") yang menjalankan bedah siasat ke atas si mati ialah "Chest and abdominal injuries due to impact by motor vehicle". Dapatan SP8 telah diperincikan di dalam laporan bedah siasat yang dikemukakan sebagai P24 dan keterangannya di mahkamah.

[20] Dalam keterangannya, SP8 menjelaskan kecederaan yang dialami si mati antaranya patah tulang rusuk yang banyak, hati terbelah dua dengan tisu yang hancur, pendarahan dalaman yang banyak di rongga abdomen dan paru-paru. Tulang rusuk patah dari depan ke belakang. Patah tulang yang banyak disebabkan (jujuran) sesuai dengan kecederaan yang bercorak di bahagian luar kulit disebabkan hentakan/impak yang sama. Pada pendapat SP8, patah tulang rusuk 1-11 disebabkan impak luaran dari objek beroda, berat dan bermotor (kenderaan bermotor). Kecederaan ini berbeza dengan kecederaan yang disebabkan oleh tindakan CPR. Kecederaan dari CPR tidak boleh menyebabkan kematian si mati.

[21] Menurut SP8 lagi, tahap impak luaran ini sangat kuat dan bukan disebabkan kelajuan. Apabila kenderaan tidak laju, dia beri lebih kesan dari berat objek itu hingga menyebabkan kecederaan sebegini. Sebagai tambahan, kalau hati saja pecah pun sudah boleh menyebabkan kematian si mati tanpa patah tulang rusuk. Rawatan CPR sahaja tidak boleh menyebabkan kematian.

[22] SP8 juga mengatakan corak tayar yang dilihat pada luar tubuh si mati adalah tayar bunga – jenis corak dua jujuran bersebelahan, sebelah dalam – garisan-garisan menyerong. Berdasarkan corak/pattern kecederaan di luar kulit, impak gilisan berlaku sekali saja kerana tidak bertindan.

[23] Bagi memastikan dapatannya lebih menyeluruh, SP8 telah menghubungi pegawai penyiasat (SP18) untuk memeriksa kenderaan yang disyaki terlibat. SP8 membuat pemeriksaan ke atas Innova di parkir Balai Polis Kajang dibantu oleh Dr Shafinaz dan dihadiri oleh pegawai penyiasat. Draf laporan pemeriksaannya dikemukakan sebagai P28. Hasil pemeriksaannya, SP8 mendapati corak di tayar kanan hadapan kenderaan Innova sama dengan corak di badan si mati iaitu corak bunga bersesuaian walaupun saiz ukuran lebar jaluran-jaluran bunga di tayar dengan corak dan saiz kecederaan di badan sedikit berbeza disebabkan faktor kulit dan pakaian si mati.

[24] SP8 telah disoal balas secara panjang lebar oleh pihak pembelaan terutama tentang pemeriksaannya terhadap tayar Innova. Walau bagaimanapun, SP8 kekal yakin dengan dapatannya sehingga akhir keterangan. Mahkamah mendapati keterangan SP8 adalah jelas dan sikapnya professional dalam menjalankan pemeriksaan dan analisa untuk mendapatkan keputusan/dapatan dengan 'higher certainty'. Mahkamah menerima keterangan dan dapatan SP8 berkaitan punca kematian dan kaitannya dengan tayar hadapan sebelah kanan kereta Innova milik tertuduh.

[25] Isu golden hour yang dibangkitkan oleh pihak pembelaan juga menurut SP8, bukanlah isu yang material kerana jika rawatan dapat diberi dengan cepat, prognosis atas si mati dalam kes ini adalah 'very poor' disebabkan paru-paru yang hancur (crushed) dan akan memerlukan paru-paru baru didermakan yang akan memakan masa. Mahkamah menerima pendapat SP8 bahawa kecederaan yang dialami si mati yang bukan disebabkan oleh CPR adalah fatal (injuries suffered by the deceased, independent of the CPR is fatal). Pendapat SP8 bersesuaian dengan perenggan (c), s. 300 Kanun Keseksaan. Elemen kedua telah dibuktikan.

Elemen Ketiga

Kecederaan Itu Dilakukan Oleh Tertuduh Dengan Niat Untuk Menyebabkan Kecederaan Yang Boleh Menyebabkan Kematian Si Mati (Perenggan (c), Seksyen 300 Kanun Keseksaan)

[26] Fakta kecederaan ke atas si mati telah dilakukan oleh tertuduh dibuktikan dan tidak dicabar dengan serius oleh pihak pembelaan. Keterangan yang dikemukakan pihak pendakwaan lebih dari mencukupi untuk membuktikan fakta ini. Pihak pendakwaan bergantung kepada keterangan dari SP6 untuk menjelaskan kejadian awal selepas tol Sungai Besi dan sebahagian kejadian kejar-mengejar antara kereta Axia yang dipandu

si mati dan Innova yang dipandu tertuduh. Seterusnya, SP6 turut menjelaskan apa berlaku di tempat kejadian di mana kehadiran SP6 turut kelihatan dalam video panjang yang dirakam oleh SP19, isteri tertuduh.

[27] Turut dipanggil SP17, Hendri Yayon, pemandu kereta Myvi kuning yang berhenti di lorong tengah lebuh raya dan hadir untuk meleraikan pergaduhan antara si mati dan tertuduh dan menasihatkan mereka pergi ke balai polis. Selepas kembali ke keretanya, SP17 menoleh ke tempat kejadian dan melihat kereta Innova meluru ke hadapan melanggar si mati. SP17 juga mengesahkan kehadirannya dalam rakaman video panjang yang dibuat oleh SP19.

[28] Keterangan pihak pendakwaan yang paling kuat adalah keterangan lisan dan rakaman video yang dirakam oleh isteri tertuduh SP19 menggunakan telefon bimbitnya yang dikemukakan iaitu video panjang.

Penerimaan Video Panjang Sebagai Ekshibit

[29] SP19 mengesahkan telefon bimbitnya P13B(2) telah digunakan untuk merakam kejadian dalam video panjang tersebut. Video panjang itu telah diekstrak/dikeluarkan oleh SP7 tanpa masalah dan tiada gangguan/pindaan kepada video tersebut dari waktu dikeluarkan sehingga dimainkan di mahkamah. Keterangan SP7 disokong oleh laporan forensik yang disediakannya iaitu P17.

[30] Kualiti rakaman video panjang tersebut pada keseluruhannya adalah jelas pada pandangan dan pendengaran mahkamah. Hanya di bahagian di mana Bahasa Cina digunakan dalam komunikasi antara SP19 dan tertuduh berbangkit isu pemahaman. Pihak pendakwaan telah memanggil SP15 iaitu seorang anggota polis Lans Koperal Henry Yek Cheng Hock berbangsa Cina dan mempelajari Bahasa Mandarin di sekolah sejak kecil. SP15 telah membuat transkrip dari video panjang tersebut dan dikemukakan sebagai P45 di mana SP15 telah menterjemah dialog dalam Bahasa Cina dialek Mandarin yang digunakan oleh SP19 dan tertuduh kepada Bahasa Melayu. Mahkamah menerima transkrip dan terjemahan yang disediakan oleh SP15 berdasarkan kebolehan SP15 berbahasa Mandarin yang dipelajari sejak kecil semasa bersekolah. Terjemahan komunikasi antara SP19 dan tertuduh pada pandangan mahkamah tidak memerlukan kepakaran tinggi atau pengetahuan teknikal seperti pakar bertauliah.

Niat Tertuduh Adalah Untuk Menyebabkan Kecederaan Yang Boleh Menyebabkan Kematian Si Mati

[31] Rakaman video panjang menunjukkan kejadian yang berlaku di KM 293.6 lebuh raya bermula akibat laluan trafik yang menjadi perlahan sehingga terhenti. Keterangan SP19 dan rakaman video panjang menunjukkan apabila trafik terhenti, tertuduh telah memberhentikan kereta Innova dan keluar dengan cepat menghala ke kereta Axia walaupun isterinya menghalang (P45, ms. 5, bilangan 129).

[32] Kemudian, tertuduh bertindak menendang kereta Axia dan menjerit meminta pemandu keluar. Apabila pintu pemandu Axia dapat dibuka, tertuduh bertindak memukul pemandu Axia bertubi-tubi sambil menariknya keluar dengan kasar. Tertuduh menarik/membawa si mati ke belakang Axia sambil merangkul lehernya dan terjadi pergelutan antara mereka. SP17 telah datang dan cuba meleraikan pergelutan ini dan selepas dileraikan, tertuduh dan si mati masuk ke kereta masing-masing. Semasa tertuduh mengundurkan kereta, si mati telah keluar semula, membuka boot belakang Axia dan mengambil kayu besbol dari boot Axia lalu terus memukul bahagian bonet depan kereta Innova.

[33] Rakaman seterusnya menunjukkan tertuduh menukar pemanduan ke hadapan dan apabila si mati menyedari tertuduh telah menukar pemanduan ke arahnya, si mati telah berpusing dan berlari ke hadapan untuk mengelak dari Innova (lihat time stamp 9.46 - 9.47 dan lampiran A, gambar pertama – gambar pegun yang diambil mahkamah dari video panjang). Pada ketika ini juga, apa-apa ancaman dari si mati telah terhenti kerana tertuduh telah berjaya menghalang si mati dari meneruskan tindakan memukul bonet hadapan kereta Innova tersebut.

[34] Walau bagaimanapun, tertuduh meneruskan perbuatan melanggar si mati yang sedang melarikan diri sehingga si mati terpusing badannya dan terjatuh ke bawah (lihat video panjang, time stamp 9.47 dan gambar pegun kedua). Sedetik kemudian kelihatan kereta Innova dan tubuh tertuduh terangkat/terhenjut dengan bunyi sesuatu digilis di bawah Innova (lihat video panjang, time stamp 9.48 - 9.50), diiringi jeritan dan kata-kata SP19 (P45, ms. 6, bilangan 131, 132 dan 133):

> cukuplah
>
> Sudah langgar mati orang
>
> Jangan panas baran macam ni boleh tak?

[35] Setelah itu, tertuduh dilihat terpaksa keluar dari kereta Innova menggunakan pintu penumpang sebelah kiri disebabkan Innova berhenti terlalu rapat ke pembahagi jalan sebelah kanan di tengah lebuh raya (lihat video panjang, time stamp 10.42). Rakaman video panjang setelah SP19 turut turun menunjukkan tertuduh memapah si mati yang kelihatan lemah dan berpegang kepada pembahagi jalan.

Pemerhatian Dan Dapatan Mahkamah

[36] Mahkamah membuat beberapa pemerhatian dan dapatan seperti berikut:

(i) tindakan tertuduh meneruskan pemanduan melanggar si mati walaupun si mati telah berhenti memukul kereta Innova dan melarikan diri serta menggilis tubuh si mati yang jatuh selepas dilanggar menyokong dapatan

niat tertuduh adalah untuk mendatangkan kecederaan ke atas si mati yang boleh menyebabkan kematian. Dapatan ini konsisten dengan penemuan dan pendapat SP8 tentang kecederaan yang dialami si mati;

(ii) kedudukan Innova yang terhenti rapat kepada pembahagi jalan menunjukkan tumpuan dan niat tertuduh ialah melanggar si mati sehingga kereta Innova terhalang oleh pembahagi jalan tersebut. Bahasa tubuh tertuduh yang kelihatan dalam video panjang semasa meluru ke arah si mati dan melanggarnya – memegang stering dengan kemas, badan ke depan rapat dengan stering dan tumpuannya fokus ke arah si mati; dan

(iii) keadaan ini selaras dengan keterangan SP17 yang melihat kereta Innova meluru melanggar si mati dan si mati termasuk ke tengah pembahagi jalan.

[37] Berdasarkan dapatan di atas, mahkamah menyimpulkan bahawa tertuduh berniat untuk mencederakan si mati dan kecederaan itu boleh menyebabkan kematian. Elemen ketiga telah dibuktikan.

Pembelaan Yang Dibangkitkan Tertuduh Dalam Kes Pendakwaan

[38] Pada asasnya, semasa kes pendakwaan, pihak pembelaan telah membangkitkan persoalan mengenai beberapa peruntukan pengecualian di bawah Kanun Keseksaan iaitu pengecualian 1 dan 2, seksyen 300. Ini adalah persoalan fakta yang perlu diputuskan oleh mahkamah.

[39] Pengecualian 1 dan 2 kepada s. 300 Kanun Keseksaan adalah seperti berikut:

Pengecualian 1 - Provokasi Oleh Si Mati

[40] Pengecualian 1 kepada s. 300 Kanun Keseksaan memperuntukkan bahawa menyebabkan kematian ke atas seseorang yang diakibatkan kehilangan kawalan diri kerana provokasi yang tiba-tiba dan merbahaya daripada si mati bukanlah suatu pembunuhan:

> **Exception 1** - Culpable homicide is not murder if the offender, whilst *deprived of the power of self control by grave and sudden provocation*, causes the death of the person who gave the provocation, or causes the death of any other person by mistake or accident.
>
> The above exception is subject to the following provisos:
>
> (a) *that the provocation is not sought or voluntarily provoked by the offender as an excuse for killing or doing harm to any person*;
>
> (b) that the provocation is not given by anything done in obedience to the law, or by a public servant in the lawful exercise of the powers of such public servant;

(c) that the provocation is not given by anything done in the lawful exercise of the right of private defence.

Explanation - Whether the provocation was grave and sudden enough to prevent the offence from amounting to murder, *is a question of fact*.

Exception 2 - Culpable homicide is not murder if the offender, *in the exercise in good faith of the right of private defence of person or property*, exceeds the power given to him by law, and *causes the death of the person against whom he is exercising such right of defence, without premeditation and without any intention of doing more harm than is necessary* for the purpose of such defence.

ILLUSTRATION

Z attempts to horse-whip A, not in such a manner as to cause grievous hurt to A. A draws out a pistol. Z persists in the assault. A, *believing in good faith that he can by no other means prevent himself from being horse-whipped*, shoots Z dead. A has not committed murder, but only culpable homicide.

(penekanan ditambah)

[41] Turut berkaitan dengan pembelaan hak mempertahankan diri ialah peruntukan s. 97 Kanun Keseksaan:

Right of private defence of the body and of property.

Every person has a right, subject to the restrictions contained in section 99, to defend:

(a) his own body, and the body of any other person, against any offence affecting the human body;

(b) the property, whether movable or immovable, of himself or of any other person, against any act which is an offence falling under the definition of theft, robbery, mischief or criminal trespass, or which is an attempt to commit theft, robbery, mischief or criminal trespass.

[42] Bagi pengecualian 1, s. 300 Kanun Keseksaan, pihak pembelaan mencadangkan perbuatan tertuduh melanggar si mati adalah kerana terdapat provokasi yang merbahaya dan tiba-tiba oleh si mati bermula dari kejadian selepas tol Sungai Besi di mana terjadi perlanggaran, kejar-mengejar dan isyarat lucah sehingga selepas pergelutan di KM 293.6 apabila si mati mengambil kayu besbol dan memukul kereta Innova.

[43] Selain itu, pembelaan juga mencadangkan perbuatan tertuduh adalah satu bentuk pertahanan diri dari ancaman maut atau kecederaan parah ke atas tubuh dirinya, isterinya dan anak dalam kandungan isterinya (pengecualian 2, s. 300 Kanun Keseksaan).

[44] Sementara itu, Timbalan Pendakwa Raya ("TPR") yang bijaksana menghujahkan bahawa provokasi dalam kejadian ini dimulakan oleh tertuduh sendiri apabila dia yang turun dari Innova dan meluru ke kereta

A Axia selepas kenderaan di lebuh raya terhenti akibat kesesakan. Isteri tertuduh SP19 juga telah selesai membuat laporan polis. Justeru, tertuduh tidak boleh bergantung kepada pengecualian provokasi ini kerana tiada sebab untuk dia turun berdepan dengan si mati kerana dia telah pun habis membuat laporan kepada polis dan diberi arahan supaya keluar dari lebuh raya dan
B pergi ke Balai Polis Kajang. Sebaliknya, perbuatan tertuduh memilih untuk berdepan dengan si mati sehingga mencetuskan pergelutan adalah disebabkan rasa amarah yang masih berbaki dari peristiwa selepas tol dan kejar-mengejar pada awalnya serta rasa tidak puas hati terhadap pemandu Axia yang memberi isyarat lucah kepadanya.

C *Dapatan Mahkamah*

[45] Beban adalah ke atas tertuduh untuk membuktikan pembelaan provokasi yang merbahaya dan tiba-tiba (grave and sudden) seperti dinyatakan di bawah s. 105 Akta Keterangan 1950. Lihat juga Mahkamah Rayuan dalam kes *Bala Matik v. PP* [2006] 2 CLJ 229; [2006] 3 MLJ 516:
D

> (2) It could not be gainsaid that the defence of grave and sudden provocation is a special exception as provided in Exception 1 to s. 300 of the Penal Code. The burden of proof is explained in s. 105 of the Evidence Act 1950 (see para 11). The learned trial judge had not only evaluated the defence of grave and sudden provocation under Exception
E 1 to s. 300 of the Penal Code but also the defence of sudden fight and right of private defence. The learned trial judge was right in making the finding that the burden had not been discharged, on the balance of probabilities, the burden of proving that there was grave and sudden provocation under Exception 1 to s. 300 of the Penal Code (see para 12).

F **[46]** Dalam keadaan dan fakta kes ini, mahkamah mendapati kejadian awal selepas tol Sungai Besi yang membawa kepada insiden kejar-mengejar antara Innova dan Axia telah tamat sebaik saja tertuduh dan SP19 selesai membuat laporan polis melalui telefon dan diarahkan pergi ke Balai Polis Kajang, if not earlier iaitu bila SP19 telah memberikan nombor pendaftaran kereta
G Axia semasa membuat laporan tersebut (di time stamp 2.51 dan 5.26 pada video panjang). Pada time stamp 6.11, rakaman menunjukkan terdapat susur keluar ke Southville dan Dengkil yang boleh diambil oleh tertuduh untuk ke Balai Polis Kajang setelah terlepas susur keluar lain kerana masih berhubung dengan pihak polis. Mahkamah mendapati tiada sebab yang wajar atau munasabah kenapa tertuduh masih mengejar Axia kerana segala butiran yang
H diperlukan untuk tujuan laporan polis telah diberikan dan arahan dari polis telah diterima. Kereta Axia juga tidak lagi dipandu secara zig-zag dan kekal di satu lorong (kanan) sejak time stamp 1.04 hingga trafik terhenti di time stamp 7.02. Tiada lagi provokasi dari pemandu kereta Axia sejak time stamp 1.04, lalu keadaan ini tidak memenuhi kriteria merbahaya (grave) atau
I tiba-tiba (sudden).

[47] Pembelaan tertuduh ini juga tidak memenuhi pengecualian umum (general exceptions) di bawah s. 94 Kanun Keseksaan yang mengecualikan perbuatan yang disebabkan ancaman kematian serta-merta (instant death). Ini adalah kerana proviso kepada s. 94 memperuntukkan pengecualian ini tidak terpakai sekiranya tertuduh yang meletakkan dirinya dalam situasi ancaman tersebut:

> Provided that the person doing the act did not of his own accord, or from a reasonable apprehension of harm to himself short of instant death, place himself in the situation by which he became subject to such constraint.

[48] Mahkamah merujuk keputusan yang dinyatakan dalam kes *Che Omar Mohd Akhir v. PP* [2007] CLJU 37; [2007] 1 LNS 37; [2007] 4 MLJ 309 iaitu provokasi tidak berbentuk beransur (gradual). Mahkamah Persekutuan menyatakan di ms. 316:

> The question whether the provocation was grave and sudden such as to make the accused to lose his self-control **is a question of fact and not one of law** (see Explanation to Exception 1 to s. 300 of the PC; *Kuan Ted Fatt v. Public Prosecuto*r [1985] 1 MLJ 211 (FC)). **Each case is to be considered according to its own facts**. The court must decide on the particular circumstances of that case whether the provocation was grave and sudden enough to permit an indulgent view of the crime committed by the accused (see Ratanlal & Dhirajlal, *The Indian Penal Code*, (29th Ed, 2002) p 1194).
>
> The test of grave and sudden provocation was clearly stated in the Supreme Court case of *Lorensus Tukan v. Public Prosecutor* [1988] 1 MLJ 251. Seah SCJ in delivering the judgment of the court said at p 253:
>
> > The test of 'grave and sudden' provocation is whether a reasonable man, belonging to the same class of society as the accused, placed in the situation in which the accused was placed would be so provoked as to lose his self-control (see *Nanavati v. State of Maharashtra* AIR 1962 SC 605 530).
> >
> > In determining what amounts to grave and sudden provocation the court may take into account the habits, manners and feelings of the class or community to which the accused belongs, but not of the particular idiosyncracies of the accused (see *Madhavan v. State of Kerala* AIR 1966 Ker 258 (260)).
> >
> > It is also said that the defence of provocation is a dual one: the alleged provocative conduct must be such as: (i) actually causes in the accused; and (ii) might cause in a reasonable man, a sudden and temporary loss of self-control as the result of which he kills the deceased.

[49] Sehubungan itu, mahkamah berpendapat pembelaan tertuduh yang mendakwa dia hilang kawalan akibat provokasi yang tiba-tiba dan berbahaya dari si mati tidak memenuhi pengecualian 1, s. 300 atau s. 94 Kanun Keseksaan kerana perbuatan si mati di awal kejadian selepas tol Sungai Besi dan isyarat lucah dari si mati serta kejar-mengejar antara si mati dan tertuduh

dengan kenderaan mereka telah sewajarnya tamat atau selesai setelah SP19 berjaya membuat laporan kepada polis dan diarahkan keluar dari lebuh raya serta pergi ke balai polis.

[50] Manakala kejadian setelah kenderaan berhenti akibat kesesakan trafik dan pergelutan antara tertuduh dan si mati telah diprovokasi oleh tertuduh sendiri yang turun dari kereta (walaupun ditegah isterinya, SP19) lalu menyerang si mati terlebih dahulu dengan menendang kereta si mati, memukul si mati dan menariknya keluar dari kereta Axia dan bergelut dengan si mati sedangkan tiada keperluan berbuat demikian.

Pengecualian 2 - Hak Mempertahankan Diri

[51] Pengecualian kedua memperuntukkan seseorang mempunyai hak untuk mempertahankan diri tanpa niat terdahulu (premeditation) atau tanpa niat untuk menyebabkan kecederaan yang melebihi apa yang sepatutnya:

> *Exception 2* - Culpable homicide is not murder if the offender, *in the exercise in good faith of the right of private defence of person or property*, exceeds the power given to him by law, and *causes the death of the person against whom he is exercising such right of defence, without premeditation and without any intention of doing more harm than is necessary* for the purpose of such defence.
>
> ILLUSTRATION
>
> Z attempts to horse-whip A, not in such a manner as to cause grievous hurt to A. A draws out a pistol. Z persists in the assault. A, *believing in good faith that he can by no other means prevent himself from being horse-whipped*, shoots Z dead. A has not committed murder, but only culpable homicide.
>
> (penekanan ditambah)

[52] Peguam yang bijaksana menghujahkan bahawa tertuduh bertindak melanggar si mati untuk mempertahankan dirinya, isterinya dan anak dalam kandungan isterinya dari ancaman kematian atau kecederaan parah. Peguam menghujahkan bahawa tindakan itu perlu untuk menghalang si mati dari menggunakan kayu besbol terhadap dirinya dan isteri yang sedang mengandung.

[53] TPR yang terpelajar pula menghujahkan bahawa tindakan tertuduh menggunakan kereta Innova melanggar si mati adalah untuk membalas perbuatan si mati yang mengetuk/memukul bahagian bonet hadapan kereta Innova dan bukan kerana terdapat ancaman kecederaan kepada tubuh tertuduh atau isterinya di dalam kereta Innova tersebut.

Analisa Dan Dapatan Mahkamah

[54] Mahkamah berpandangan mungkin ada hak mempertahankan harta tertuduh dalam kejadian ini iaitu kereta Innova milik tertuduh. Walau bagaimanapun, hak mempertahankan harta sehingga menyebabkan kematian pula hanya meliputi keadaan-keadaan yang disenaraikan di bawah s. 103, Kanun Keseksaan:

When the right of private defence of property extends to causing death. The right of private defence of property extends, under the restrictions mentioned in section 99, to the voluntary causing of death or of any other harm to the wrong-doer, if the offence, the committing of which, or the attempting to commit which, occasions the exercise of the right, is an offence of any of the following descriptions:

(a) robbery;

(b) house-breaking by night;

(c) mischief by fire committed on any building, tent or vessel, which building, tent or vessel is used as a human dwelling, or as a place for the custody of property;

(d) theft, **mischief** or house-trespass, **under such circumstances as may reasonably cause apprehension that death or grievous hurt will be the consequence**, if such right of private defence is not exercised.

(penekanan ditambah)

Dalam kes ini, perbuatan si mati memukul bonet hadapan kereta Innova tertuduh belum dibuktikan termasuk di bawah mana-mana perenggan (a) hingga (d) di atas.

[55] Subseksyen 105(4) Kanun Keseksaan pula menghadkan bahawa hak mempertahankan harta tersebut berjalan hanya selagi ancaman atau khianat itu berterusan:

Commencement and continuance of the right of private defence of property.

(1) The right of private defence of property commences when a reasonable apprehension of danger to the property commences.

(2) The right of private defence of property against theft continues till the offender has effected his retreat with the property, or till assistance of the public authorities is obtained, or till the property has been recovered.

(3) The right of private defence of property against robbery continues as long as the offender causes or attempts to cause to any person death, or hurt, or wrongful restrain, or as long as the fear of instant death, or of instant hurt, or of instant personal restraint continues.

(4) The right of private defence of property against criminal trespass or mischief, continues as long as the offender continues in the commission of criminal trespass or mischief.

(5) The right of private defence of property against house breaking by night continues as long as house-trespass which has been begun by such house-breaking continues.

(penekanan ditambah)

[56] Dari penelitian mahkamah kepada keterangan pihak pendakwaan, mahkamah mendapati perbuatan si mati tidak menunjukkan niat untuk mencederakan tertuduh atau isterinya yang berada di dalam kereta Innova. Ini kerana video panjang menunjukkan si mati memukul bonet hadapan Innova sebanyak dua kali di bahagian kanan dan kemudian memukul bahagian tengah bonet kereta itu. Tiada dalam rakaman menunjukkan si mati menuju/meluru ke arah tertuduh yang terlindung di dalam kereta Innova, tiada indikasi yang si mati berniat untuk mencederakan tubuh tertuduh dan isterinya, tumpuan si mati adalah pada bonet hadapan kereta tertuduh.

[57] Pembelaan yang dicadangkan tertuduh bahawa dia bertindak begitu untuk menyelamatkan isterinya dan anak dalam kandungan isterinya tidak meyakinkan (sounds hollow) dan tidak konsisten dengan sikap dan tindakan yang diambil tertuduh. Sepanjang rakaman video panjang itu, SP19 beberapa kali didengar mengeluh melihat sikap marah tertuduh yang terus mengejar kereta Axia, SP19 juga cuba menghalang tertuduh dari bertindak secara tidak wajar apabila keluar dan bersemuka dengan si mati dan paling mengharukan nada terkejut, takut dan sedih SP19 menyaksikan tertuduh melanggar si mati dari belakang dan menggilis tubuh si mati.

[58] Mahkamah tidak perlu memahami bahasa yang digunakan oleh SP19 pun untuk memahami ketakutan, kekesalan dan kerisauan yang dirasai oleh SP19 sepanjang kejadian itu disebabkan sikap tertuduh. Ini disokong dengan reaksi SP19 apabila melihat semula rakaman video panjang ketika tertuduh melanggar si mati semasa memberi keterangan di mahkamah. SP19 dilihat terjerit ketika babak si mati dilanggar oleh tertuduh dan pemanduan kereta Innova menggilis si mati dimainkan semula.

[59] Jika tertuduh adalah seorang yang bersikap munasabah (reasonable man), ingin melindungi isteri dan anak dalam kandungan isterinya, dia sewajarnya terus keluar dari lebuh raya selepas membuat laporan kejadian kepada polis melalui telefon, memaklumkan butiran kereta yang terlibat dan menerima arahan pihak polis. Sebaliknya, tertuduh bertindak sama-sama memandu dengan cara merbahaya seperti si mati, menyerang si mati dan kemudiannya melanggar si mati yang telah melarikan diri. Tindakan-tindakan ini bertentangan dengan sikap seorang yang munasabah atau melindungi tetapi menunjukkan sikap amarah dan tidak puas hati berpanjangan yang mendorong tindakannya menyerang si mati yang mencetus kejadian tragik ini. Mahkamah mendapati pembelaan pengecualian kedua – hak mempertahankan diri yang dibenarkan undang-undang juga belum dilunaskan oleh tertuduh di peringkat kes pendakwaan ini.

Kredibiliti Saksi Pendakwaan

[60] Mahkamah mendapati saksi-saksi pendakwaan kredibel dan boleh dipercayai pada fakta material. Jika ada percanggahan dalam keterangan mereka, ia berbangkit dari sudut pandang yang berlainan dan daya ingatan masing-masing. Perbezaan tersebut tidak menjadi fatal kepada kes

pendakwaan. Dakwaan pihak pembelaan tentang sikap sambil lewa pegawai penyiasat yang dikatakan tidak melengkapkan siasatan tidak menggugat fakta relevan dan material dalam kes pendakwaan kerana keterangan yang ada mencukupi untuk membuktikan elemen-elemen pertuduhan.

Keputusan Di Akhir Kes Pendakwaan

[61] Setelah meneliti keterangan saksi-saksi pendakwaan, kesemua ekshibit yang dikemukakan, hujah pihak-pihak dan mengaplikasikan penilaian maksima kepada keseluruhan keterangan, mahkamah mendapati kematian si mati telah dibuktikan. Mahkamah juga menerima keterangan dan pendapat SP8 berkaitan kecederaan yang dialami si mati akibat perbuatan tertuduh adalah fatal secara semula jadi (sesuai dengan perenggan (c) s. 300 Kanun Keseksaan) dan telah menyebabkan kematian si mati. Justeru, elemen kedua dibuktikan.

[62] Berkaitan elemen niat tertuduh pula, daripada keseluruhan keterangan, mahkamah menyimpulkan tertuduh telah melanggar si mati dan menggilis tubuh si mati dengan niat menyebabkan kecederaan yang boleh menyebabkan kematian si mati. Pembelaan pengecualian 1 dan 2, s. 300 Kanun Keseksaan yang dibangkitkan tertuduh belum dilunaskan pembuktiannya oleh tertuduh pada peringkat ini.

[63] Sebaliknya, atas penilaian maksima, mahkamah mendapati pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan suatu kes *prima facie* terhadap tertuduh seperti pertuduhan di bawah s. 302 Kanun Keseksaan. Tertuduh dengan ini dipanggil membela diri.

Kes Pembelaan

[64] Tertuduh memilih untuk memberi keterangan bersumpah sebagai SD1. Tertuduh memberi keterangan tanpa merujuk dan memainkan video panjang kejadian yang dirakam isterinya, SP19, atas arahan tertuduh. Secara ringkas, tertuduh menyatakan selepas tol Sungai Besi memasuki Lebuh Raya Kuala Lumpur - Seremban, sebuah kereta Axia warna hitam yang berada di belakang Innova telah memotong dari kanan dengan laju memasuki laluan kereta Innova yang dipandunya dengan tiba-tiba dan akibat terlalu dekat, belakang Axia telah melanggar bonet depan Innova. Menurut tertuduh, dia menyalakan lampu signal ke kiri untuk berhenti di laluan kecemasan dan mahu berbincang dengan pemandu Axia ("si mati"). Pemandu Axia tidak berhenti dan menukar haluan ke lorong laju. Tertuduh telah membunyikan hon untuk menarik perhatian si mati dan mengejar kereta si mati di laluan bersebelahan (lorong tengah). Apabila kereta Innova dan Axia selari, tertuduh mengatakan si mati telah menunjukkan isyarat lucah dengan mengangkat jari tengah ke arah tertuduh dan memecut ke hadapan.

[65] Tertuduh kemudiannya meneruskan perjalanan dan memotong kereta lain memasuki lorong laju dan melihat kereta Axia di lorong tengah. Tertuduh memotong Axia dan kereta Innova telah hilang kawalan hingga

A hampir melanggar pembahagi jalan. Tertuduh kemudian perlahankan kereta dan dengar bunyi bump dan kereta tertolak ke depan. Dari cermin belakang, tertuduh nampak Axia telah melanggar belakang kereta Innova. Kemudian kereta Axia memotong kereta tertuduh dari kiri dan memecut serta dipandu secara zig-zag. Tertuduh membunyikan hon supaya kereta lain dapat
B mengelak dari Axia. Tertuduh menyuruh isterinya, SP19, yang duduk di kerusi penumpang belakang merakam kejadian menggunakan telefon bimbit. Menurut tertuduh, dia mengekori Axia dan apabila kedua-dua kereta selari, si mati sekali lagi menunjukkan isyarat lucah kepadanya.

[66] Tertuduh kemudian meminta isterinya, SP19, menghubungi polis
C untuk membuat laporan menggunakan telefon bimbit tertuduh. SP19 dapat bercakap dengan pihak polis dan telah memaklumkan kejadian serta memberi butiran kereta Axia. Sementara itu, tertuduh terus mengekori kereta Axia tersebut. Isteri tertuduh, SP19, selesai membuat laporan dan diarahkan keluar dari lebuh raya untuk membuat laporan rasmi di Balai Polis
D Kajang.

[67] Bila kereta-kereta terhenti akibat kesesakan, tertuduh keluar dari Innova dan pergi ke kereta Axia kerana mahu mengajak si mati membuat laporan serta meminta ganti rugi. Tertuduh mendakwa si mati sekali lagi menunjukkan isyarat lucah. Setelah diminta keluar secara berterusan, si mati
E membuka pintu di mana tertuduh mendakwa si mati cuba memukulnya dengan telefon bimbit. Selepas si mati keluar dari kereta, pergaduhan berlaku. Tertuduh mengatakan si mati nampak tidak normal dan memandang ke arah stering.

[68] Semasa pergaduhan, SP17 telah datang untuk meleraikan pergaduhan
F dan menyuruh tertuduh serta si mati membuat laporan polis. Selepas tertuduh dan si mati ke kereta masing-masing, tertuduh ingin mengundurkan kereta Innova dengan melihat kamera belakang. Terdapat satu kereta di belakangnya. Bila memandang ke atas semula, tertuduh nampak si mati meluru ke arah dia dengan memegang kayu besbol. Kemudian, tertuduh
G mendengar bunyi bump yang sangat kuat dan tertuduh mengatakan dia dalam keadaan blank, otak rasa kosong. Tertuduh merasa nyawa mereka terancam, tiada masa untuk berfikir dan tidak tahu di mana si mati akan memukul kayu besbol itu.

[69] Menurut tertuduh, dari sudut pandangnya dia nampak tertuduh
H meluru ke arahnya dan merasa amat takut. Tertuduh memegang stering dengan kuat dan tidak tahu apa dia telah buat. Masa memegang stering, tertuduh mengatakan 'apa pun tak nampak'. Setelah dengar jeritan isterinya, SP19, baru tertuduh tersedar dan tidak tahu apa perlu dibuat. Bila dapati pintu kanan tidak dapat dibuka baru tertuduh sedar telah melanggar sesuatu,
I lalu keluar dari pintu kiri. Tertuduh nampak si mati berada di bawah kereta dan dia mengangkat si mati.

[70] Di sini tertuduh mendakwa si mati cuba memukulnya dengan kayu besbol dan tertuduh telah mencampak kayu itu dan tertuduh menarik si mati ke depan. Kemudian, SP6 telah datang dan menuduh tertuduh mengganggu kereta Axia. Tertuduh mendakwa si mati mengatakan 'sorry' apabila ditanya "kenapa buat begitu". Tertuduh juga mendakwa bertanya si mati ada makan ubat ke? Tetapi tidak dijawab oleh si mati yang kemudian ketawa kecil.

[71] Kemudian adik ipar si mati (SP10) datang dan bersama seorang lelaki menaiki kereta Satria Neo telah menghantar si mati ke hospital. Tertuduh memandu keretanya ke laluan kecemasan dan Axia dipandu oleh penunda kereta. Tertuduh mendakwa semasa di lorong kecemasan, bapa si mati dan seorang perempuan datang dan mengambil barang-barang di dalam kereta Axia. Tertuduh menunjukkan kayu besbol dan kasut si mati; bapa si mati bertanya kepada perempuan itu – "adik, ni dia punya ke?" Bapa si mati datang untuk mengambilnya dari tertuduh tetapi tertuduh kata mahu bawa ke balai polis.

[72] Tertuduh mendakwa bertanya kepada bapa si mati bahawa anaknya ada makan ubat? Bapa si mati berpusing dan hanya memandang kepada tertuduh. Tetapi tertuduh mengatakan kelihatan bapa tertuduh tahu tentang itu. Tertuduh kemudian telah ke IPD Kajang di mana dia dan isterinya ditangkap, telefon bimbit yang merakam kejadian dirampas.

[73] Selain tertuduh, pihak pembelaan memanggil Associate Prof Dr Rosdi bin Abdul Rashid, Head of the Centre of Addiction Sciences, Universiti Malaya (SD2). SD2 pernah mengendalikan program memberikan Methadone bagi penagih Opiate. Antara dadah yang termasuk dalam kategori Opiate ialah Morphine, Heroin dan Codein. SD2 telah dirujuk kepada P53 iaitu laporan toksikologi ke atas sampel darah dan urin si mati yang disahkan terdapat kesan beberapa jenis dadah. SD2 mengatakan secara umum, seseorang yang ada dikesan dadah dalam urin atau darahnya berpotensi seorang penagih dan berpotensi bersikap violent.

[74] Walau bagaimanapun, dalam pemeriksaan balas, SD2 bersetuju bahawa untuk mengesahkan seorang individu sebagai penagih dan bersifat agresif (violent) perlu ditemu duga untuk mendapatkan sejarah penggunaan dadah, dan dibuat pemerhatian di wad. Tidak semua pengambilan dadah akan menyebabkan penagihan. Dadah juga boleh diberikan kepada pesakit sebagai ubat di bawah pengawasan doktor. Begitu juga tidak semua penagih dadah akan bertindak agresif. Pendapat yang diberikan berkaitan P53 adalah bersifat umum sahaja. SD2 mengesahkan penama dalam P53 (si mati) bukanlah pesakitnya dan tidak pernah ditemu duga olehnya dan SD2 tidak mengetahui sejarah dan latar belakang si mati.

[75] Saksi ketiga pihak pembelaan ialah salah seorang peguam tertuduh yang telah mencetak beberapa dokumen dari laman web seperti kamus atas talian dan peta Google yang dikemukakan ke mahkamah. Mahkamah menerima dokumen-dokumen ini telah dicetak dari laman web tetapi tiada keterangan lain dibawa untuk membuktikan kebenaran kandungannya.

Analisa Dan Dapatan Kes Pembelaan

[76] Di akhir kes pembelaan, tugas mahkamah ialah untuk menimbangkan pembelaan tertuduh dengan keterangan kes pihak pendakwaan, kredibiliti saksi-saksi pendakwaan dan juga pembelaan serta keseluruhan keterangan sebelum memutuskan sama ada pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya melampaui keraguan yang munasabah mengikut s. 182A Kanun Tatacara Jenayah (KTJ) seperti berikut:

> **Procedure at the conclusion of the trial**
>
> (1) At the conclusion of the trial, the Court shall consider all the evidence adduced before it and decide whether the prosecution has proved its case beyond reasonable doubt.
>
> (2) If the Court finds that the prosecution has proved its case beyond reasonable doubt, the Court shall find the accused guilty and he may be convicted on it.
>
> (3) If the Court finds that the prosecution has not proved its case beyond reasonable doubt, the Court shall record an order of acquittal.

[77] Dalam menimbangkan pembelaan tertuduh, mahkamah dibimbing oleh prinsip yang dinyatakan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Ganapathy Rengasamy v. PP* [1998] 2 CLJ 1; [1998] 2 MLJ 577:

> It needs to be remembered that however weak a defence may be, trial judges being judges of both fact and law should not just brush aside the defence on the basis that the prosecution witnesses are to be believed and not the defence. Where the law casts the onus of giving an explanation upon an accused person, and the explanation is given, which is consistent with innocence, the court is duty bound to consider whether it might reasonably be true, although not convinced of its truth. On the issue of the court's duty to consider the defence, the age-old decision in *Mat v. PP* [1963] MLJ 263 is still good law as it was then. This is followed by the Supreme Court in *Mohamad Radhi bin Yaakob v. PP* [1991] 3 MLJ 169.

[78] Dalam kes ini, tertuduh juga mempunyai beban untuk membuktikan pengecualian 1 dan 2 kepada s. 300 Kanun Keseksaan atas imbangan kebarangkalian seperti diputuskan dalam kes *Patrick Chau Fook Henn v. PP* [2014] 8 CLJ 14 di mana Abdul Aziz Rahim HMR dalam menyampaikan penghakiman Mahkamah Rayuan telah memutuskan (di ms. 23):

> The principles are these: the burden of establishing a plea of self-defence is on the accused (*ie*, the appellant in this case); but the burden is lighter in that the accused need only to discharge the burden on a balance of probabilities.

Pengecualian 1 - Provokasi Yang Merbahaya Dan Tiba-tiba (Grave And Sudden Provocation)

[79] Dakwaan tertuduh yang dia turun dari kereta Innova dan pergi ke kereta Axia kerana mahu mengajak si mati membuat laporan polis dan meminta ganti rugi tidak selaras dengan perbuatan dan sikapnya yang jelas di dalam video panjang tersebut. Hakikatnya, tertuduh bersemuka dengan si mati kerana perasaan tidak puas hati dan marah yang masih menebal walaupun telah berjaya melaporkan perbuatan si mati kepada polis dan diberi arahan supaya pergi ke balai polis. Mahkamah membuat kesimpulan ini dari tindakan tertuduh yang memberhentikan kereta Innova, bergegas keluar dari kereta walaupun ditegah oleh isterinya, menendang pintu Axia, memukul si mati bertubi-tubi apabila pintu dibuka, menarik si mati keluar dari kereta dan bergelut dengan si mati di antara kereta Innova dan Axia sehingga dileraikan oleh SP17.

[80] Dalam kes *Che Omar Mohd Akhir v. PP* (*supra*), dinyatakan:

> Thus, in order to successfully set up provocation as a defence for the reduction of the offence of murder to one of culpable homicide not amounting to murder, it is not enough to show that the accused was provoked into losing his self-control; it must be shown that the provocation was grave and sudden and must have by its gravity and suddenness caused a reasonable man to lose his self-control and induced him to do the act which caused the death of the deceased. In determining that question the court may also consider, along with other factors, the nature of the retaliation by the accused, having regard to the nature of the provocation (see *Ratanlal & Dhirajlal*, p 1192; *Vijayan v. Public Prosecutor* [1975] 2 MLJ 8).

[81] Sekiranya ada provokasi dari si mati semasa kejadian awal telah sewajarnya tamat apabila tertuduh dan SP19 berjaya melaporkan perbuatan si mati dan memberi butiran kereta si mati kepada polis melalui telefon sebelum kenderaan berhenti disebabkan kesesakan. Malah, perbuatan tertuduh keluar dari Innova lalu bersemuka dan bergelut dengan si mati walaupun ditegah oleh isterinya merupakan satu bentuk provokasi ke atas si mati pula yang kemudiannya bertindak menggunakan kayu besbol untuk memukul bonet hadapan kereta Innova.

[82] Dalam pergelutan antara tertuduh dan si mati, kelihatan tertuduh ada kelebihan disebabkan ketinggiannya. Semasa SP17 sampai untuk meleraikan pergelutan itu, dia melihat tertuduh mengepit kepala si mati dan hanya dapat dilepaskan apabila SP17 menarik tangan tertuduh. Provokasi dan kelebihan tertuduh ke atas si mati telah menimbulkan rasa tidak puas hati si mati menyebabkannya mengambil kayu besbol untuk menghentam bonet hadapan kereta Innova. Mahkamah mendapati provokasi di tempat kejadian di KM 293.6 telah dimulakan oleh tertuduh sendiri.

[83] Oleh kerana tertuduh yang memulakan provokasi di tempat kejadian, dia tidak dapat perlindungan dari pembelaan provokasi si mati. Tertuduh gagal melunaskan pembuktian pengecualian 1, s. 300 Kanun Keseksaan ini di atas imbangan kebarangkalian.

Pengecualian 2 - Hak Mempertahankan Diri Atau Harta

[84] Mengenai pengecualian 2, s. 300 Kanun Keseksaan pula iaitu hak mempertahankan diri atau harta, mahkamah mendapati tertuduh mempunyai hak mempertahankan hartanya dari perbuatan khianat iaitu pukulan ke atas kereta Innova oleh si mati menggunakan kayu besbol di bahagian bonet depan kenderaan tersebut. Walau bagaimanapun, isunya adakah tertuduh telah melebihi hak mempertahankan hartanya?

> Exception 2 - Culpable homicide is not murder if the offender, in the exercise in good faith of the right of private defence of person **or property, exceeds the power given to him by law, and causes the death of the person against whom he is exercising such right of defence**, without premeditation and without any intention of doing more harm than is necessary for the purpose of such defence.
>
> (penekanan ditambah)

[85] Mahkamah Rayuan dalam kes *Patrick Chau Fook Henn v. PP* (*supra*) turut menyatakan:

> The question that needs to be asked at the end of the day is whether the accused was acting in reasonably necessary self-defence? **A defence of self-defence may arise in variety of cases; but everything will depend on the particular facts and circumstances**. It was said in *Palmer v. The Queen* [1971] 2 WLR 831 that the conception of self-defence is both good law and good sense that a man who is attacked may defend himself. It is not the law that an accused must wait until he receives a grievous injury before he retaliates in self-defence. **However, the action of retaliation must not be wholly out of proportion to the necessities of the situation**. The accused may justify an immediate defensive action if he is in immediate peril or if he is in imminent danger he may avert the danger by some instant action.
>
> (penekanan ditambah)

[86] Tertuduh mengatakan yang dia merasa terancam dengan kematian atau kecederaan parah ke atas tubuh badannya, isteri dan anak dalam kandungan isterinya apabila melihat si mati memukul bonet hadapan keretanya dengan kayu besbol. Oleh itu, tertuduh menukar pemanduan ke depan untuk menghalang perbuatan si mati. Soalnya, adakah wujud ancaman kematian atau kecederaan parah ke atas tubuh badan tertuduh dan isterinya pada ketika itu?

[87] Mahkamah tidak yakin wujud ancaman kematian atau kecederaan parah ke atas tubuh badan tertuduh atau isterinya pada masa material. Ini adalah kerana tertuduh berada dalam kedudukan yang lebih baik (advantageous) daripada si mati semasa kejadian. Tertuduh dalam keadaan

terlindung di dalam kereta Innova yang bertutup dengan enjin yang hidup. Perbuatan si mati yang boleh dilihat dari rakaman video panjang itu menunjukkan tumpuan si mati ialah merosakkan kereta tertuduh. Tidak kelihatan pada bila-bila masa si mati mengalihkan pandangan atau tumpuannya ke arah tertuduh yang berada di dalam Innova. Mahkamah menyimpulkan pada masa material itu, tiada ancaman kematian atau kecederaan parah ke atas tubuh badan tertuduh atau isterinya daripada si mati.

[88] Walau bagaimanapun, tertuduh mempunyai hak pertahanan harta iaitu kereta Innova yang dipukul dengan kayu besbol oleh si mati. Setakat mana hak mempertahankan harta ini? Seksyen 103 Kanun Keseksaan memperuntukkan:

> **When the right of private defence of property extends to causing death.**
>
> The right of private defence of property extends, under the restrictions mentioned in section 99, to the voluntary causing of death or of any other harm to the wrong doer, if the offence, the committing of which, or the attempting to commit which, occasions the exercise of the right, is an offence of any of the following descriptions:
>
> (a) robbery;
>
> (b) house-breaking by night;
>
> (c) mischief by fire committed on any building, tent or vessel, which building, tent or vessel is used as a human dwelling, or as a place for the custody of property;
>
> (d) theft, **mischief** or house-trespass, under such circumstances as may reasonably cause apprehension that death or grievous hurt will be the consequence, if such right of private defence is not exercised.
>
> (penekanan ditambah)

[89] Perbuatan khianat ke atas harta seseorang yang terpakai sehingga menyebabkan kematian pelakunya paling hampir dengan keadaan dan fakta kes ini adalah perenggan (d) iaitu khianat yang membawa kemungkinan ancaman kematian atau kecederaan parah.

[90] Walau bagaimanapun, mahkamah telah membuat dapatan bahawa perbuatan khianat si mati adalah untuk merosakkan harta tertuduh sahaja dengan memukul bonet hadapan kereta Innova tertuduh dan perbuatan si mati itu tidak memberi ancaman kematian atau kecederaan parah ke atas tertuduh. Sehubungan itu, keadaan-keadaan di perenggan (a) hingga (d) s. 103 Kanun Keseksaan di atas tidak terpakai dalam keadaan dan fakta kes ini.

[91] Sejauh mana hak mempertahankan harta tertuduh dibenarkan undang-undang? Seksyen 104 Kanun Keseksaan memperuntukkan:

A *When such right extends to causing any harm other than death.*

If the offence, the committing of which, or the attempting to commit which, occasions the exercise of the right of private defence, is theft, *mischief* or criminal trespass, not of any of the descriptions enumerated in section 103, *that right does not extend to the voluntary causing of death, but does*
B *extend subject to the restrictions mentioned in section 99, to the voluntary causing to the wrong doer of any harm other than death*.

(penekanan ditambah)

Seksyen 99 Kanun Keseksaan tidak terpakai dalam kes ini kerana tertuduh bukan seorang penjawat awam. Oleh kerana ss. 99 dan 103 Kanun Keseksaan
C tidak terpakai dalam keadaan dan fakta kes ini, hak mempertahankan harta tertuduh tidak terpakai sehingga boleh menyebabkan kematian si mati.

Dakwaan Tertuduh Blank, Tidak Tahu Apa Dia Telah Buat, Apa Pun Tak Nampak Semasa Melanggar Si Mati

D **[92]** Tertuduh mengatakan dia merasa amat takut bila si mati meluru ke arahnya. Tertuduh memegang stering dengan kuat, menjadi blank dan 'tidak tahu apa dia telah buat'. Masa memegang stering, tertuduh mengatakan 'apa pun tak nampak' dan hanya tersedar apabila mendengar jeritan isterinya, SP19. Penelitian pernyataan tertuduh ini tidak konsisten dengan keterangan dari video panjang dan SP19.

E **[93]** Bahasa tubuh tertuduh ketika menukar pemanduan ke depan, melanggar si mati dan menggilis tubuh si mati menunjukkan bukan saja stering dipegang dengan kejap, tubuh tertuduh rapat ke stering dan Innova dipandu terus sehingga melanggar si mati walaupun si mati telah berpaling
F dan melarikan diri serta ancaman dari si mati telah dapat dihentikan. Lihat lampiran A (*supra*). Seorang yang munasabah (a reasonable man) sewajarnya boleh membrek kereta setelah si mati berpaling melarikan dirinya dari tertuduh.

[94] Seksyen 105 Kanun Keseksaan memperuntukkan waktu bermulanya
G hak mempertahankan harta dan bila hak itu tamat. Hak itu bermula apabila bahaya ke atas harta berbangkit (sub-s. (1) dan berjalan selagi pesalah terus melakukan perbuatan khianat itu (sub-s. (4)):

Commencement and continuance of the right of private defence of property.

H (1) **The right of private defence of property commences when a reasonable apprehension of danger to the property commences.**

(2) The right of private defence of property against theft continues till the offender has effected his retreat with the property, or till assistance of the public authorities is obtained, or till the property has been recovered.

I (3) The right of private defence of property against robbery continues as long as the offender causes or attempts to cause to any person death, or hurt, or wrongful restrain, or as long as the fear of instant death, or of instant hurt, or of instant personal restraint continues.

(4) The right of private defence of property against criminal trespass or **mischief, continues as long as the offender continues in the commission of** criminal trespass or **mischief**.

(5) The right of private defence of property against house breaking by night continues as long as house-trespass which has been begun by such house-breaking continues.

(penekanan ditambah)

[95] Rakaman video panjang yang diteliti menunjukkan tertuduh telah berjaya menghentikan ancaman ke atas harta tertuduh iaitu kereta Innova apabila tertuduh menukar pemanduan ke arah si mati dan si mati telah berpaling melarikan diri dari kereta yang dipandu tertuduh (lihat lampiran A (*supra*)). Hak mempertahankan harta tertuduh tamat di ketika ini. Mahkamah percaya tertuduh boleh sama ada membrek Innova atau menukar pemanduan ke kiri untuk mengelakkan kejadian menjadi lebih teruk.

[96] Mahkamah mendapati pembelaan tertuduh bahawa dia menjadi 'blank, tidak tahu apa dia telah buat' dan 'apa pun tidak nampak' semasa melanggar si mati adalah suatu percubaan untuk mengelakkan diri dari kesalahan apabila tertuduh gagal membrek atau menukar haluan apabila telah berjaya menghentikan perbuatan si mati. Dakwaan ini merupakan suatu penafian perbuatannya dengan menyalahkan keadaan fikirannya (his state of mind) ketika itu.

[97] Malangnya, pihak pembelaan tidak pula mengemukakan apa-apa sokongan kepada pembelaan ini dengan memanggil saksi seperti ahli psikologi atau saksi lain untuk menerangkan kemungkinan tertuduh boleh berada dalam keadaan blank, tidak tahu apa dia buat atau dalam keadaan tidak sedar semasa kejadian. Rakaman video selepas kejadian menunjukkan tertuduh tidak bersikap seolah-olah baru tersedar apabila dilihat dan didengar memarahi si mati (ms. 6, P45):

Mari sini, mari sini,

You bodoh punya orang tau

[98] Komunikasi tertuduh dengan SP6 yang pergi ke tempat kejadian selepas si mati dilanggar juga tidak menunjukkan tertuduh keliru atau tidak sedar perbuatannya telah melanggar si mati, malah kelihatan berbalah dengan SP6 yang menyalahkan tertuduh apabila SP6 mengatakan "Ini lu punya pasal".

[99] Pakar yang dipanggil oleh pihak pembelaan pula (SD2) bukan memberi penjelasan tentang keadaan fikiran atau minda tertuduh ketika kejadian, tetapi hanya memberikan pendapat secara umum tentang potensi kesan pengambilan dadah oleh seseorang (bukan si mati), kerana SD2 tidak pernah memeriksa si mati atau mengetahui sejarah pengambilan bahan terlarang oleh si mati.

[100] Mahkamah tidak mempercayai tertuduh berada dalam keadaan blank, tidak tahu perbuatannya atau tidak sedar ketika kejadian. Tiada juga keterangan sokongan dikemukakan tertuduh berkaitan dakwaannya ini. Ia hanya pernyataan tertuduh semata-mata (mere statement).

[101] Berkaitan pembelaan hak pertahanan diri (tubuh badan) dari ancaman kematian atau kecederaan parah, tertuduh didapati gagal melunaskan beban membuktikan pengecualian 2, s. 300 Kanun Keseksaan atas imbangan kebarangkalian.

[102] Walau bagaimanapun, mahkamah mendapati wujud hak mempertahankan hartanya dari perbuatan khianat si mati tetapi perbuatan tertuduh yang menyebabkan kematian si mati telah melebihi hak yang dibenarkan undang-undang (accused had exceeded his right of defence of property by causing the death of the deceased).

[103] Tertuduh juga dilihat menokok tambah naratif pembelaan apabila mengatakan si mati cuba memukulnya dengan kayu besbol apabila tertuduh cuba menariknya dari bawah kereta Innova. Keadaan ini bercanggah dengan rakaman video panjang yang menunjukkan si mati tidak memegang kayu besbol ketika berpaling dan melarikan diri dari kereta Innova. Rakaman juga menunjukkan si mati lemah longlai apabila dipapah oleh tertuduh dan terpaksa berpegang kepada pembahagi jalan selepas dilanggar oleh tertuduh.

[104] Begitu juga tentang kehadiran seorang lelaki yang dikatakan ayah si mati dan adik perempuannya yang kononnya datang ke lorong kecemasan untuk mengambil barangan si mati dan disoal oleh tertuduh sama ada si mati "ada mengambil ubat". Mahkamah mendapati naratif ini merupakan pemikiran semula dan rekaan kerana ia tidak pernah dicadangkan kepada saksi pendakwaan khususnya SP10 dan pegawai penyiasat yang sepatutnya kenal dan tahu jika benar ayah dan adik si mati ada ke tempat kejadian. Pihak pendakwaan juga berjaya menyangkal naratif ini apabila telah memanggil pegawai penyiasat ganti SP21, ASP Umesh a/l Ratna Kumar untuk mengemukakan sijil kematian ayah si mati Syed Shakir bin Syed Azman sebagai P69.

[105] Justeru, mahkamah mendapati naratif pembelaan ini merupakan pernyataan kosong, penafian dan pemikiran semula serta rekaan tertuduh sahaja. Mahkamah mendapati tertuduh yang hanya berhak mempertahankan hartanya telah bertindak melebihi had yang dibenarkan undang-undang apabila telah menyebabkan kecederaan yang menyebabkan kematian si mati.

Adakah Tertuduh Berjaya Menimbulkan Keraguan Munasabah Ke Atas Kes Pendakwaan Bagi Pertuduhan Di Bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan?

[106] Berdasarkan dapatan mahkamah di atas tentang hak pertahanan harta tertuduh dan keseluruhan keterangan pembelaan, tertuduh telah berjaya menimbulkan keraguan munasabah ke atas kes pendakwaan bagi kesalahan membunuh di bawah s. 302 Kanun Keseksaan.

[107] Walau bagaimanapun, keterangan yang dikemukakan tidak mengecualikan tertuduh dari kesalahan jenayah. Peruntukan pengecualian 2, s. 300 Kanun Keseksaan (*supra*) menyatakan apabila perbuatan untuk mempertahankan hartanya telah melebihi hak yang dibenarkan undang-undang dengan menyebabkan kematian seseorang, ia bukanlah perbuatan membunuh, tetapi terjumlah kepada menyebabkan kematian sahaja (culpable homicide).

[108] Mahkamah mendapati mengikut keadaan dan fakta kes serta keseluruhan keterangan, pihak pendakwaan berjaya membuktikan tertuduh telah menyebabkan kecederaan tubuh ke atas si mati yang boleh menyebabkan kematiannya tanpa keraguan munasabah. Sehubungan itu, mahkamah mensabitkan tertuduh dengan kesalahan di bawah s. 304(a) Kanun Keseksaan.

Hukuman

[109] Seksyen 304(a) Kanun Keseksaan memperuntukkan hukuman seperti berikut:

> Whoever commits culpable homicide not amounting to murder shall be punished:
>
> (a) with imprisonment for a term which may extend to thirty years, and shall also be liable to fine, if the act by which the death is caused is done with the intention of causing death, or of causing such bodily injury as is likely to cause death;

Mitigasi Tertuduh

[110] Ringkasnya, peguam yang terpelajar mengemukakan faktor-faktor yang wajar diberi pertimbangan oleh mahkamah. Hukuman maksima diperuntukkan undang-undang ialah penjara 30 tahun. Kes melibatkan tertuduh bukanlah kes yang gruesome, tidak melibatkan senjata merbahaya. Tertuduh sekarang berusia 45 tahun. Dia akan menjadi seorang yang berumur apabila keluar dari penjara dan akan menghadapi kesukaran mendapatkan pekerjaan untuk menyara hidupnya kelak. Sebelum kejadian, tertuduh seorang yang menyara keluarga kecilnya, selepas kejadian, isteri tertuduh yang terpaksa mengambil alih tugas itu.

[111] Ini adalah kesalahan pertama tertuduh. Isteri tertuduh yang mengandung semasa kejadian telah mengalami keguguran akibat tekanan selepas direman. Tertuduh juga telah berada dalam tahanan sejak ditangkap selepas kejadian empat tahun dahulu dan mengalami masalah kesihatan ketika dalam tahanan. Peguam bela yang bijaksana memohon tempoh penjara minima berjalan dari tarikh tangkap. Ini adalah suatu kes yang sesuai untuk justice be tempered with mercy.

Hujah Pemberat Pihak Pendakwaan

[112] TPR yang terpelajar memohon hukuman yang berat dan setimpal dengan kesalahan yang dilakukan tertuduh. Kepentingan awam perlu diberi penekanan dalam kes seperti ini agar menjadi pengajaran kepada tertuduh dan orang ramai. Kejadian berkaitan road rage kerap berlaku dan hukuman harus memberi kesan deteren dan mengajar pengguna jalan raya lebih berhati-hati dan tidak bertindak keterlaluan.

[113] Kes ini menjadi viral dan memberi impak besar kepada masyarakat. Mahkamah perlu menimbangkan kecederaan ke atas si mati yang amat serius akibat perbuatan tertuduh. Seperti keterangan SP8, kecederaan si mati antaranya – hati terbelah dua, patah tulang-tulang rusuk, pendarahan dalaman dan lain-lain. Kes-kes yang dirujuk oleh peguam bela yang bijaksana boleh dibezakan faktanya dengan kes ini.

Kenyataan Impak Mangsa (Victim Impact Statement)

[114] Isteri si mati hadir untuk membaca kenyataan impak mangsa yang ditandakan sebagai P81. Ringkasnya, isteri si mati melahirkan rasa terkejut, kesedihan dan tekanan yang dihadapi selepas kematian si mati yang tidak diduga. Kematian si mati menyebabkan anak sulung mereka yang baru berumur tiga bulan semasa kejadian akan membesar tanpa kasih sayang seorang ayah. Redha dengan takdir Allah, isteri si mati memohon hukuman yang adil sebagai pengajaran kepada pembuli jalanan.

Hukuman Oleh Mahkamah

[115] Dalam menentukan hukuman yang wajar dikenakan ke atas tertuduh, mahkamah mengambil kira faktor-faktor mitigasi yang dikemukakan seperti latar belakang tertuduh, ini merupakan kesalahan pertamanya, kerjasama yang diberikan oleh tertuduh dalam siasatan, serta sumbangan mangsa dalam kes ini. Secara relatif, tertuduh masih mempunyai banyak masa untuk mengubah kehidupannya ke arah yang lebih baik.

[116] Dalam masa yang sama, mahkamah juga perlu menekankan kepentingan awam dalam kes-kes seperti ini yang menuntut suatu hukuman berbentuk pencegahan dan pengajaran kepada umum terutama dalam kes yang bermula dari road rage, didorong rasa amarah dan tidak puas hati serta disumbangkan penggunaan bahan terlarang. Keadaan dalam kes ini sesuai dengan ungkapan peribahasa "Ikut rasa binasa, ikut hati mati".

[117] Sikap seorang yang munasabah akan tenang, mengawal emosi dan berfikir sebelum bertindak akan mengelakkan kejadian lebih buruk. Seperti dinyatakan dalam kes yang dirujuk oleh TPR yang terpelajar, orang awam berhak dilindungi dari pesalah seperti ini dan perlu dikenakan hukuman yang berat. Dalam kes *PP v. Wong Chak Heng* [1985] 1 CLJ 375; [1985] CLJ (Rep) 717; [1985] 1 MLJ 457:

> The public are entitled to be protected against such offenders. In the opinion of this court, they are not likely to be protected if lenient sentences are passed. Offenders are likely to be discouraged by sentences which do not involve loss of liberty.

[118] Mahkamah juga menimbangkan kenyataan impak mangsa dari isteri si mati dan sesungguhnya kejadian ini adalah satu tragedi yang impaknya mengenai semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung. Bukan saja di pihak si mati, tetapi isteri OKT dan keluarganya juga mengalami kehilangan.

[119] Setelah menimbangkan semua faktor yang dikemukakan dan prinsip-prinsip penghukuman yang mantap seperti dinyatakan dalam kes yang sering dirujuk *PP v. Loo Choon Fatt* [1976] CLJU 102; [1976] 1 LNS 102; [1976] 2 MLJ 256:

> The correct approach is to strike a balance as far as possible between the interest of the public and the interest of the accused.

Mahkamah berpendapat hukuman yang sesuai dan wajar dalam kes ini ialah menjatuhkan atas tertuduh hukuman penjara 16 tahun dari tarikh tangkap.

LAMPIRAN A